

**KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN
INSTRUMEN PENILAIAN
PENDIDIKAN
LUAR**

ALVIN RAJ A/L SANTHANADASS

**TESIS YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SAINS SUKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk membina dan mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen penilaian Pendidikan Luar. Instrumen ini berbentuk soal selidik yang terdiri dari komponen pengetahuan strategik, kecekapan perlakuan dan afektif. Soal selidik ini diadaptasi dan diubahsuai dari *Tennessee Self Concept Questionnaire*, *Multifactor Leadership Questionnaire* (MLQ), *Participant Motivation Questionnaire* (PMQ), *Cooper Smith Inventory*, *Group Environment Questionnaire* (GEQ) dan Manual Pendidikan Luar (MPL). Sebanyak 95 item soal selidik yang telah dikenal pasti dan dibina diuji ke atas 100 orang subjek lelaki dan perempuan berumur 15 dan 16 tahun dalam kajian rintis. Kaedah *factor analysis*, Cronbach alpha dan kesahan pakar digunakan bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen ujian. Analisis *Pearson Product Moment* menunjukkan nilai kesahan pakar terhadap instrumen penilaian adalah 0.89 - 0.90 dan nilai kebolehpercayaan 0.89. Berdasarkan *factor analysis* kaedah pencabutan *Principle Component Analysis*, hanya 51 daripada 95 item soal selidik berada dalam komponen tersebut berdasarkan *loading* utama yang tinggi dan melebihi nilai pekali korelasi 0.30. Sejumlah 81.16 varian dapat diterangkan oleh semua item ke atas tiga komponen yang utama. Kaedah *pre experimental one group pretest-posttest* digunakan dalam kajian sebenar bagi menguji kesahan konstruk instrumen penilaian Pendidikan Luar. Seramai 70 orang subjek lelaki dan perempuan berumur 15 dan 16 tahun dipilih secara rawak mudah sebagai sampel kajian. Semua subjek menjalani ujian pra dan selepas itu diberi intervensi selama tiga hari kemudian diuji semula dalam ujian pasca. Kajian ini dijalankan di Pusat Kokurikulum Negeri Sabah. Keputusan *MANOVA* menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pra ujian dan pasca ujian, bagi keseluruhan komponen utama pengetahuan strategik, kecekapan perlakuan dan afektif. Analisis ujian *t* juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap keseluruhan instrumen penilaian Pendidikan Luar antara kumpulan pra ujian dan pasca ujian. Hasil Kajian menunjukkan instrumen penilaian Pendidikan Luar mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Instrumen penilaian Pendidikan Luar ini dapat digunakan khususnya oleh pusat Kokurikulum Negeri Sabah bagi perkhemahan Pendidikan Luar.

VALIDITY AND RELIABILITY OF OUTDOOR EDUCATION ASSESSMENT INSTRUMENT

ABSTRACT

The purpose of this study is to build and to obtain the validity and reliability of Outdoor Education assessment instrument. This instrument is a design of questionnaire that consists of components of strategic knowledge, competence behavior and affective. The questionnaire design was adapted and modified from several questionnaires encompasses, the Tennessee Self-Concept Questionnaire, Multifactor Leadership Questionnaire (MLQ), Participant Motivation Questionnaire (PMQ), Cooper Smith Inventory, Group Environment Questionnaire (GEQ) and Outdoor Education Manual (MPL). A design of 95 questionnaire items have been identified and tested on 100 male and female school students aged 15 and 16 during the pilot study. Factor analysis, Cronbach alpha and the validity of the expert were used to ensure the validity and the reliability of the test instrument. The Pearson Product Moment result shows that the validity of the expert on the instrument is 0.89 - 0.90, and the reliability of 0.89. Based on the extraction method of factor analysis, Principle Component Analysis, only 51 items from the total of 95 items in the questionnaire are within the components based on high loading and exceeds the value of the correlation coefficient of 0.30. A total of 81.16 variants are explicable by all items on three major components. Pre experimental using one group followed by a pretest and a posttest method were used in the actual study to examine the construct validity of the Outdoor Education assessment instrument. A total of 70 male and female subjects aged 15 to 16 were indiscriminately selected for this study. All subjects underwent a pre-test and later intervention was given for three days and then the subjects were tested again in the post-test. This study was conducted in Sabah State Curriculum Centre. MANOVA result demonstrates significant differences between the pre-test and post-test, for all major components of strategic knowledge, competence behavior and affective. T-test analysis showed substantial differences in the overall Outdoor Education assessment instrument between the pre-test and post-test. The result of this study shown that the Outdoor Education assessment instrument has high value of validity and reliability. This Outdoor Education assessment instrument can be used especially by the Sabah State Curriculum Centre for Outdoor Education camp.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	8
1.3 Kepentingan Kajian	9
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Hipotesis Nul Kajian	12
1.6 Limitasi Kajian	13
1.7 Definisi Operasional	14
1.7.1 Pendidikan Luar	15
1.7.2 Pusat Kokurikulum	15
1.7.3 Peserta Perkhemahan 2014	16
1.7.4 Kesahan	16
1.7.5 Kebolehpercayaan	16
1.7.6 Instrumen Soal Selidik Pengetahuan Strategik	17

1.7.7	Instrumen Soal Selidik Kemahiran Kecekapan Perlakuan	17
1.7.8	Instrumen Soal Selidik Afektif	17
1.7.9	Kesahan Konstruk	18
1.7.10	Motivasi	18
1.7.11	Kesepaduan	18
1.7.12	Kepimpinan	19
1.7.13	Konsep Kendiri	19
1.7.14	Penghargaan Kendiri	19

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	20
2.2	Konsep Pendidikan Luar	21
2.3	Konsep Kesahan Kandungan	23
2.4	Kesahan Kriteria	23
2.5	Konsep Kesahan Konstruk	24
2.6	Konsep Kebolehpercayaan	26
2.7	Teori yang Berkaitan	27
2.8	Teori Kesahan dan Kebolehpercayaan	30
2.9	Kajian-Kajian yang Berkaitan	32
2.10	Rumusan	61

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	62
3.2	Reka Bentuk Kajian	63
3.3	Kerangka Konseptual	64
3.4	Pentadbiran Kajian Rintis (Peringkat pertama)	67
3.4.1	Lokasi Kajian	67
3.4.2	Populasi dan Persampelan	68

3.4.3	Populasi Kajian	68
3.4.4	Sampel Kajian	68
3.4.5	Pemboleh Ubah Kajian	70
3.4.6	Instrumen Kajian	71
3.4.7	Langkah-Langkah Pembinaan Konstruk Instrumen Soal Selidik Pendidikan Luar	74
3.4.8	Pembinaan Instrumen Soal Selidik Penilaian Pendidikan Luar Bagi Komponen Pengetahuan Strategik	76
3.4.9	Pembinaan Instrumen Soal Selidik Penilaian Pendidikan Luar Bagi komponen Kecekapan Perlakuan	77
3.4.10	Pembinaan Instrumen Soal Selidik Penilaian Pendidikan Luar Bagi Komponen Afektif	78
3.5	Kajian Rintis	81
3.5.1	Pentadbiran Kajian Rintis	83
3.5.2	Kesahan Bidang	86
3.5.3	Kesahan Bahasa	89
3.5.4	Kebolehpercayaan Soal Selidik	91
3.5.5	Kesahan Konstruk (<i>Isolated Constructs – Factor Analysis</i>) Menentukan Item–Item yang Sah Dalam Komponen)	93
3.6	Pentadbiran Kajian Sebenar (Peringkat Kedua)	101
3.6.1	Lokasi Kajian	102
3.6.2	Populasi Kajian	102
3.6.3	Sampel Kajian	102
3.6.4	Pemboleh Ubah Kajian	104
3.6.5	Instrumen Kajian	105
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	105
3.7.1	Pentadbiran Instrumen Penilaian Pendidikan Luar	107
3.7.2	Taklimat Kajian	108
3.7.3	Pentadbiran Ujian Pra	109
3.7.4	Pentadbiran Ujian Pasca	109

3.8	Analisis Data	110
3.9	Rumusan	111

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	113
4.2	Analisis Deskriptif Kajian	114
4.3	Analisis Inferensi Kajian	114
4.4	Rumusan	129

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	130
5.2	Perbincangan	131
5.3	Kesimpulan	137
5.4	Cadangan	137

RUJUKAN	139
---------	-----

LAMPIRAN	
----------	--

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
2.1 Teori Kecerdasan Pelbagai <i>Howard Gardner</i>	27
3.1 Saiz Sampel Kajian Berdasarkan Kuasa dan Saiz Kesan	69
3.2 Aspek Pengetahuan Strategik dan Item–Item Soal Selidik	77
3.3 Aspek Kecekapan Perlakuan dan Item–Item Soal Selidik	78
3.4 Aspek Afektif dan Item–Item Soal Selidik	80
3.5 Bilangan Saiz Sampel Pelajar Lelaki dan Perempuan dalam Kajian Rintis	84
3.6 Kesahan Instrumen Soal Selidik Berdasarkan Pakar Bidang	88
3.7 Kesahan Instrumen Soal Selidik Berdasarkan Pakar Bahasa	91
3.8 Kajian Rintis - Nilai Pekali Kebolehppercayaan Soal Selidik Instrumen Penilaian Pendidikan Luar Berdasarkan Komponen Penilaian Pendidikan Luar	93
3.9 Keputusan Ujian Barlett's dan Kaiser- Meyer-Olkin	95
3.10 Keputusan Mengenai Jumlah Varian	96
3.11 Total Variance Explained	98
3.12 Kesahan Konstruk Bagi Komponen Putaran Matriks (<i>Rotated Component Matrix</i>)	98
3.13 Item Soal Selidik Hasil Analisis	101
3.14 Saiz Sampel Kajian Berdasarkan Kuasa dan Saiz Kesan	103
3.15 Taburan Subjek	104
3.16 Item Soal Selidik Kajian Sebenar	105
3.17 Modul Aktiviti Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum Negeri Sabah	107
4.1 Min dan Sisihan Piawai Umur Pelajar	114
4.2 MANOVA Bagi Pengetahuan Strategik Kecekapan Perlakuan dan Afektif	117
4.3 MANOVA Bagi Pelajar Lelaki Berdasarkan Pengetahuan Strategik, Kecekapan Perlakuan dan Afektif	120
4.4 MANOVA Bagi Pelajar Perempuan Berdasarkan Pengetahuan Strategik, Kecekapan Perlakuan dan Afektif	124
4.5 Perbezaan Skor Ujian <i>t</i> Berdasarkan Skor Ujian Pra dan Skor Ujian Pasca	126

4.6	Perbezaan Skor Ujian t Pelajar Lelaki Berdasarkan Skor Ujian Pra dan Skor Ujian Pasca	127
4.7	Perbezaan Skor Ujian t Pelajar Perempuan Berdasarkan Skor Ujian Pra dan Skor Ujian Pasca	128



SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
2.1 Model Penghasilan Instrumen Penilaian Pendidikan luar	31
3.1 Kerangka Konseptual	65
3.2 Carta Aliran Pembinaan Ujian Kecergasaan Motor (Ubahsuai Morrow et., 1995)	73
3.3 Proses Menguji Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian Pendidikan Luar	81
3.4 Bilangan Komponen dengan Eigenvalue Melebihi Nilai Satu	97

SENARAI LAMPIRAN**Lampiran**

- A Pengesahan Pakar Bahasa
- B Pengesahan Pakar Bidang
- C Pengesahan Instrumen Soal Selidik
- D Surat Kebenaran Menjalankan Kajian – KPM (EPRD)
- E Surat Kebenaran Menjalankan Kajian – JPN SABAH
- F Pengesahan Menjalankan Kajian Rintis dan Memungut Data
- G Pengesahan Menjalankan Kajian Sebenar dan Memungut Data
- H Soal selidik Kajian Rintis
- I Soal Selidik Kajian Sebenar
- J Modul Aktiviti Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum Negeri Sabah



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sukatan mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan telah diserapkan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah bermula pada tahun 1998. Terdapat pelbagai program yang tersedia dalam sukatan mata pelajaran ini yang antara lainnya ialah kemahiran, kecergasan, kesukanan dan kesihatan yang meliputi domain psikomotor, kognitif dan afektif (Bucher, 1979). Terdapat tiga tunjang pembelajaran utama dalam sukatan mata pelajaran Pendidikan Jasmani pertama kecergasan, kedua kemahiran dan ketiga kesukanan. Salah satu kemahiran yang terdapat dalam tunjang pembelajaran kedua ialah kemahiran rekreasi. Aktiviti kemahiran rekreasi luar yang digariskan dalam sukatan mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan panduan aktiviti

kokurikulum ini ialah aktiviti perkhemahan, *orienteering*, kembara dan *abseiling*

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002). Terdapat pelbagai frasa kata atau istilah yang begitu sinonim dengan rekreasi luar seperti kegiatan luar dan Pendidikan Luar. Perkataan kegiatan luar dipinjam daripada istilah Inggeris yang bermaksud *outdoor pursuit* (Steffen dan Stiehl, 2010). Dari segi bahasa, *outdoors* adalah merujuk kepada ruang alam semula jadi yang jauh dari kediaman manusia. *Pursuit* pula bermaksud pengajaran, penuntutan, pemburuan atau perbuatan mencari sesuatu. Apabila digabungkan dengan *outdoors* maka ia membawa makna perbuatan mencari sesuatu dalam alam persekitaran luar.

Menurut Wattchow dan Brown (2011) dan Md Amin Md Taff (2005a), rekreasi luar dianggap sebagai aktiviti yang dapat meningkatkan semangat bekerja dalam kumpulan. Program Pendidikan Luar memberikan keutamaan kepada semangat kerjasama dalam aktiviti *wall climbing*, pandu arah/*orienteering*, berkayak dan ikhtiar hidup. Pelbagai kaedah penyelesaian masalah, membina kepercayaan antara peserta, kemahiran membuat keputusan dan menggalakkan pembelajaran perkara baru diaplikasikan dalam aktiviti-aktiviti tersebut (Morgan, 2006).

Penyelidik dalam bidang falsafah Pendidikan Luar menjelaskan bahawa alam semula jadi adalah merupakan sebuah makmal hidup yang kaya dengan sumber ilmu. Ia boleh digabungkan dengan amalan yang boleh memperkayakan pengalaman dan memupuk nilai-nilai murni bagi melahirkan individu yang sihat dari segi mental, rohani dan jasmani ke arah usaha mewujudkan integrasi di kalangan masyarakat dan perpaduan nasional (Ford, 1986).

Secara amnya, dapatlah dirumuskan bahawa skop program Pendidikan Luar yang dijalankan di sekolah-sekolah di Malaysia meliputi pengetahuan mengenai alam sekitar dan pembinaan sikap yang positif terhadap alam sekitar. Pendidikan Luar juga dapat membina kesederhanaan terhadap keupayaan sendiri dan peningkatan kualiti kepimpinan individu dan masyarakat. Program ini juga bertindak sebagai pelengkap kepada pengetahuan akademik dalam situasi yang sebenar atau realistik dan banyak menggunakan kemahiran kecekapan perlakuan dalam berinteraksi dengan alam semula jadi (Md Amin Md Taff, 2005b).

Penganjuran program Pendidikan Luar merangkumi empat matlamat iaitu yang pertama; bertujuan untuk mengubah cara manusia merasai nikmat melalui aktiviti kesengangan, keseronokan dan bersukaria. Kedua; mengubah cara manusia berfikir dan merasai nikmat di mana matlamatnya ialah untuk mempelajari kemahiran dan pengetahuan. Ketiga; untuk mengubah cara manusia merasai nikmat, berfikir dan bertindak. Keempat; pemulihan untuk mengubah cara manusia berfikir, bertindak dan menentang. Selain daripada empat matlamat di atas, terdapat empat lagi matlamat yang tersembunyi dalam aktiviti Pendidikan Luar iaitu pemupukan kemasyarakatan, perhubungan atau kekeluargaan serta ekosistem dan rohaniah (Priest dan Gass 1997; Neill, 2003).

Menurut Md Amin Md Taff (2011), program Pendidikan Luar sebenarnya bertujuan untuk meningkatkan perkembangan diri terutamanya dari segi peningkatan kemahiran hidup individu dan keupayaan menghadapi cabaran hidup moden masa kini. Ianya memberi peluang kepada pelajar untuk mempelajari kemahiran-kemahiran berdasarkan alam sekitar dan cabaran yang dilaluinya. Aktiviti ini bertujuan untuk

merangsang perkembangan diri individu dari segi keyakinan diri, kepimpinan, kerja berkumpulan atau tanggungjawab kumpulan, kemahiran sosial, kemahiran interpersonal, sikap, konsep sendiri dan motivasi.

Kemajuan dan pembangunan yang pesat dalam bidang pendidikan untuk menjadikan pendidikan di negara ini bertaraf dunia telah memberi pelbagai impak kepada sistem pendidikan sekarang. Kepentingan Pendidikan Luar sebagai salah satu agen perpaduan dan integrasi kaum tidak dapat dinafikan. Pendidikan Luar juga berperanan untuk menyemai sifat menghargai kepentingan alam. Atas kesedaran tersebut, maka pihak Kementerian Pelajaran Malaysia berusaha untuk menubuhkan pusat kokurikulum di setiap negeri (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991).

Penubuhan Pusat Kokurikulum Negeri telah dikemukakan dalam mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) ke 114 pada 12 November 1991 yang dipengerusikan oleh Tan Sri Dato Seri Musa bin Mohammad sebagai Menteri Pendidikan Malaysia ketika itu. Sebagai permulaan sebanyak enam buah negeri dipilih bagi mewujudkan Pusat Kokurikulum. Negeri-negeri tersebut ialah Sabah, Sarawak, Kelantan, Pahang, Terengganu dan Kedah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991).

Fasa kedua penubuhan pusat kokurikulum yang melibatkan negeri-negeri seperti Pulau Pinang, Johor, Perlis, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Perak dan Wilayah Persekutuan Labuan telah dilakukan pada tahun 1998. Pusat kokurikulum ini merupakan sebuah pusat latihan yang bertanggungjawab melaksanakan aktiviti Pendidikan Luar secara terancang dan

sistematik berpandukan kurikulum yang digubal oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Matlamat pusat kokurikulum negeri ialah memberi pengalaman pembelajaran melalui kegiatan-kegiatan sebenar di samping mengutamakan konsep peningkatan pengetahuan, kemahiran, disiplin, keyakinan diri dan pengukuhan nilai-nilai murni yang membawa ke arah kecemerlangan individu (Laporan Tahunan Pusat Kokurikulum Negeri Sabah, 2012).

Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, konsep pusat kokurikulum ialah menyediakan prasarana Pendidikan Luar kepada warga pendidikan dan agensi-agensi luar seperti syarikat-syarikat korporat, persatuan-persatuan sukan dan rekreasi (Laporan Tahunan Pusat Kokurikulum Negeri Sabah, 2012). Pusat ini berperanan sebagai sebuah institusi Pendidikan Luar yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang melibatkan kurikulum teras dan pilihan. Kurikulum teras merupakan kurikulum yang wajib dijalankan pada setiap program yang diadakan. Kurikulum teras pula ialah pendidikan agama dan moral, pemupukan semangat patriotisme, motivasi, pendidikan alam sekitar, bantu mula dan khidmat masyarakat.

Aktiviti darat, air dan aktiviti berisiko tinggi adalah merupakan kurikulum pilihan dalam aktiviti Pendidikan luar. Secara khususnya aktiviti darat terdiri daripada aktiviti seperti kraf perkhemahan, pandu arah, ikhtiar hidup, berbasikal, mendaki gunung merentas halangan dan kawad. Manakala aktiviti air pula adalah melibatkan aktiviti keyakinan diri dan keselamatan di air, berenang, berkayak, berakit, tiubing, dan *snorkeling*. Aktiviti yang diklasifikasikan sebagai aktiviti yang berisiko tinggi pula melibatkan aktiviti seperti *wall climbing*, *flying fox*, *repelling* dan kemahiran tali-temali (Laporan Tahunan Pusat Kokurikulum Negeri Sabah, 2012).

Tujuan penubuhan pusat kokurikulum adalah untuk menyediakan suatu kawasan khas yang terancang dimiliki oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kemudahan asas yang lengkap dan peralatan yang mencukupi bagi menjalankan kegiatan Pendidikan Luar (Laporan Tahunan Pusat Kokurikulum Negeri Sabah, 2012). Penubuhan pusat tersebut juga berperanan sebagai pusat latihan membina semangat dan motivasi untuk murid, guru dan kakitangan perkhidmatan pendidikan. Ianya menjadi platform kepada warga pendidik memperkembangkan bakat dan kemahiran dalam Pendidikan Luar. Selain itu, pusat ini memberi peluang kepada sekolah-sekolah yang tidak mempunyai kemudahan, peralatan dan kepakaran untuk menjalankan kegiatan Pendidikan Luar di sekolah.

Antara siri perkhemahan yang sering dijalankan adalah perkhemahan Pendidikan Luar, perkhemahan alam semula jadi, perkhemahan kepimpinan murid, perkhemahan bina insan, perkhemahan Ihya Ramadhan, perkhemahan patriotisme, perkhemahan motivasi dan perkhemahan integrasi. Perkhemahan anjuran Jabatan Pendidikan Negeri Sabah yang melibatkan pelajar tingkatan tiga dan empat bagi sekolah rendah tahun lima dan enam telah dijalankan setahun sekali. Sasaran pelajar adalah antara 100 hingga 150 pelajar bagi satu siri perkhemahan. Pemilihan pelajar-pelajar adalah secara berkuota terhadap semua daerah yang terdapat di Sabah. Kebiasaannya semua perkhemahan yang dianjurkan oleh Pusat Kokurikulum Negeri Sabah akan dijalankan selama empat hari tiga malam.

Kaedah pengujian, pengukuran dan penilaian yang tekal memainkan peranan penting dalam menentukan matlamat Pendidikan Luar tercapai. Menurut Gardner (2012), kaedah pentaksiran adalah integrasi proses mengumpul maklumat,

menginterpretasikan maklumat atau menilai sesuatu maklumat yang diperoleh dan membuat keputusan. Maklumat yang diperoleh berdasarkan kajian pendidikan luar perlulah sistematik dan teratur agar penilaian dapat dilakukan. Instrumen pengujian, pengukuran dan penilaian Pendidikan Luar yang tekal dapat digunakan bagi menguji dan mengumpul maklumat atau data sesuatu kajian. Penilaian perlu dilakukan bagi menentukan pencapaian seseorang individu dalam Pendidikan Luar. Pengujian, pengukuran dan penilaian berdasarkan instrumen penilaian yang sah dan boleh dipercayai sahaja dapat menganalisis data dengan tepat bagi mencapai objektiviti sesuatu instrumen (Ahmad Hashim, 2004).

Baumgartner dan Chung (2001) menjelaskan bahawa kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) instrumen amat penting bagi mempertahankan kejutuan instrumen daripada terdedah kepada ralat. Semakin tinggi nilai dan tahap kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu instrumen maka semakin jitu data-data yang akan diperoleh bagi menghasilkan kajian yang baik dan berkualiti dalam Pendidikan Luar. Kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu instrumen seharusnya mengikut kriteria yang telah ditetapkan supaya instrumen tersebut dapat mengukur menguji dan menilai dengan betul. Antara agensi yang telah diiktiraf dan memainkan peranan penting sebagai panduan dalam menghasilkan sesuatu instrumen yang sah dan boleh dipercayai adalah *Committee of Members of the American Educational Research Association*, *The American Psychological Association*, dan *The National Council on Measurement in Education (NCME)*. Setakat ini masih tidak ada instrumen penilaian pendidikan luar yang sah dan boleh dipercayai bagi mengukur komponen pengetahuan strategik, kecekapan perlakuan dan afektif di pusat kokurikulum negeri Sabah. Oleh itu, kajian

ini bertujuan mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen penilaian Pendidikan Luar.

1.2 Pernyataan Masalah

Program Pendidikan Luar anjuran Pusat Kokurikulum Negeri Sabah semakin mendapat sambutan yang amat memberangsangkan dalam kalangan sekolah-sekolah di Sabah. Program Pendidikan Luar yang dianjurkan dapat memberi kesan positif terhadap motivasi, kesepaduan kumpulan, konsep sendiri dan pembangunan insaniah (Laporan Tahunan Pusat Kokurikulum Negeri Sabah, 2012). Walau bagaimanapun, laporan Tahunan Pusat Kokurikulum Negeri Sabah, 2012 tidak melaporkan tentang prestasi pengetahuan strategik, kecekapan perlakuan dan afektif peserta dengan menggunakan instrumen yang sah, boleh dipercayai, sistematik dan tekal dalam mengukur prestasi peserta yang mengikuti program Pendidikan Luar di pusat ini.

Hanya instrumen soal selidik yang sah, boleh dipercayai dan sistematik sahaja dapat menjana data yang betul dan tepat terhadap prestasi pelajar dalam Pendidikan Luar bagi membantu pihak pusat kokurikulum untuk membuat penambahbaikan dari aspek pengetahuan strategik, kecekapan perlakuan dan afektif. Selagi tidak ada pembinaan instrumen soal selidik yang efektif dari aspek kesahan dan kebolehpercayaan selagi itulah pengukuran dan penilaian tidak dapat dilakukan secara sah dan tepat. Setakat ini, laporan aktiviti Pusat Kokurikulum Negeri Sabah juga boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak disebabkan penggunaan soal selidik yang tidak tekal dan diragui kesahannya.

Sehingga kajian ini dibuat, masih tidak ada sebarang instrumen penilaian Pendidikan Luar yang lengkap dan dapat mengukur tiga komponen penting iaitu pengetahuan strategik, kecekapan perlakuan dan afektif yang boleh digunakan oleh pusat kokurikulum dan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mengkaji kesan program yang telah dilaksanakan. Jika perkara ini tidak diatasi segera maka matlamat dan objektif Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan kepada JERIS tidak akan tercapai (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990). Sehubungan itu, usaha bagi membentuk soal selidik serta mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen penilaian Pendidikan Luar ini perlu dilaksanakan bagi membina instrumen penilaian Pendidikan Luar yang dapat mengukur ketiga-tiga komponen tersebut.

1.3 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan boleh membantu dalam meningkatkan hasil kualiti serta mutu aktiviti Pendidikan Luar. Antara kepentingan kajian adalah seperti berikut :

- i. Hasil kajian ini dapat memberi maklum balas tentang pencapaian pelajar dan penguasaan kemahiran, pengetahuan serta nilai-nilai sosial dari aspek pengetahuan strategik, kecekapan perlakuan dan afektif.
- ii. Hasil kajian ini dapat memberi kesedaran kepada ibu bapa tentang pentingnya aktiviti Pendidikan Luar kepada pelajar kerana ianya mampu mempertingkatkan dan membentuk sahsiah pelajar.

- iii. Hasil kajian ini juga sangat berguna kepada jurulatih Pusat Kokurikulum Negeri Sabah dengan menjadikan instrumen penilaian Pendidikan Luar sebagai panduan dalam menilai kemahiran, pengetahuan dan nilai sosial pelajar.
- iv. Selain itu, hasil kajian ini dijangkakan dapat memberi sumbangan kepada Pusat Kokurikulum Negeri Sabah yang menawarkan kegiatan Pendidikan Luar bagi memantau aktiviti tersebut dan seterusnya menilai keberkesanan aktiviti program perkhemahan Pendidikan Luar sama ada ianya perlu pengubahsuaian atau sebaliknya.
- v. Penyelidik berharap agar dapatan kajian ini dapat memberi manfaat kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan pihak-pihak tertentu dan dijadikan sebagai kayu pengukur kepada faktor kemahiran dalam mengenal pasti bakat dalam Pendidikan Luar. Kajian ini juga boleh menjadi panduan kepada penyelidik akan datang dalam usaha meningkatkan lagi mutu penyelidikan di negara kita terutamanya dalam bidang Pendidikan Luar.
- vi. Adalah diharapkan juga dapatan kajian ini berupaya memberi rangsangan kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pelajaran Negeri Sabah dalam merancang, menyusun atur dan penambahbaikan aktiviti program Pendidikan Luar.

1.4 Objektif Kajian

Kajian kesahan dan kebolehpercayaan instrumen penilaian Pendidikan Luar bertujuan bagi mencapai beberapa objektif berikut :-

- i. Menentukan kesahan konstruk instrumen penilaian Pendidikan Luar berdasarkan pengetahuan strategik, kecekapan perlakuan dan afektif berdasarkan skor ujian pra dan skor ujian pasca.
- ii. Menentukan kesahan konstruk instrumen penilaian Pendidikan Luar berdasarkan pengetahuan strategik, kecekapan perlakuan dan afektif berdasarkan skor ujian pra dan skor ujian pasca bagi pelajar lelaki.
- iii. Menentukan kesahan konstruk instrumen penilaian Pendidikan Luar berdasarkan pengetahuan strategik, kecekapan perlakuan dan afektif berdasarkan skor ujian pra dan skor ujian pasca bagi pelajar perempuan.
- iv. Menentukan kesahan konstruk keseluruhan instrumen penilaian Pendidikan Luar berdasarkan skor ujian pra dan skor ujian pasca.
- v. Menentukan kesahan konstruk keseluruhan instrumen penilaian Pendidikan Luar berdasarkan skor ujian pra dan skor ujian pasca bagi pelajar lelaki.
- vi. Menentukan kesahan konstruk keseluruhan instrumen penilaian Pendidikan Luar berdasarkan skor ujian pra dan skor ujian pasca bagi pelajar perempuan.

1.5 Hipotesis Nul Kajian

Hipotesis Nul kajian adalah seperti berikut :-

Ho₁ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ke atas skor instrumen penilaian Pendidikan Luar berdasarkan pengetahuan strategik, kecekapan perlakuan dan afektif di antara skor ujian pra dengan skor ujian pasca.

Ho₂ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ke atas skor instrumen penilaian Pendidikan Luar berdasarkan pengetahuan strategik, kecekapan perlakuan dan afektif di antara skor ujian pra dengan skor ujian pasca bagi pelajar lelaki.

Ho₃ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ke atas skor instrumen penilaian Pendidikan Luar berdasarkan pengetahuan strategik, kecekapan perlakuan dan afektif di antara skor ujian pra dengan skor ujian pasca bagi pelajar perempuan.

Ho₄ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ke atas skor keseluruhan instrumen penilaian Pendidikan Luar di antara skor ujian pra dengan skor ujian pasca.

Ho₅ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ke atas skor keseluruhan instrumen penilaian Pendidikan Luar di antara skor ujian pra dengan skor ujian pasca, bagi pelajar lelaki.

Ho₆ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ke atas skor keseluruhan instrumen penilaian Pendidikan Luar di antara skor ujian pra dengan skor ujian pasca bagi pelajar perempuan.

1.6 Limitasi Kajian

Berikut adalah faktor-faktor yang mempengaruhi limitasi kajian iaitu :

- i. Kajian ini hanya terhad kepada pelajar yang mengikuti perkhemahan Pendidikan Luar di Pusat Kokurikulum Negeri Sabah. Sampel yang dipilih adalah terdiri daripada seramai 70 orang pelajar daripada 100 orang pelajar yang akan mengikuti perkhemahan Pendidikan Luar.
- ii. Pelajar-pelajar ini terdiri daripada semua daerah di negeri Sabah iaitu terdiri daripada lelaki dan perempuan, umur, jantina dan pengetahuan yang berbeza. Oleh itu, berkemungkinan wujud perbezaan pengetahuan strategik, kecekapan perlakuan dan afektif antara para pelajar dalam kajian ini.